

Pendekatan Eko-Bio-Sosial dalam Pengawalan dan Pengurusan Denggi: Satu Kajian Kualitatif

Rozita Hod (P56803)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Denggi merupakan salah satu masalah kesihatan awam di rantau Asia Tenggara dan negara-negara beriklim tropika. Malaysia mengalami peningkatan kes denggi yang semakin meningkat setiap tahun. Jumlah kes yang melonjak dan bilangan kematian yang dilaporkan mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pihak bertanggungjawab dan masyarakat setempat. Walaupun perundangan dan garis panduan yang jelas dalam menangani wabak denggi ini telah lama wujud dan dibangunkan, namun mengapakah kes demam denggi terus meningkat setiap tahun? **Objektif:** Kajian ini bertujuan untuk menilai polisi kesihatan sediada dan strategi ke arah pengawalan dan pencegahan denggi yang terdapat di Malaysia. Selain daripada itu, kajian ini menguji pendekatan eko-bio-sosial dalam usaha menangani wabak denggi di Malaysia. **Metodologi:** Temu bual mendalam telah dijalankan ke atas sepuluh orang responden yang berusia antara 36 hingga 58 tahun. Mereka dipilih berdasarkan peranan dalam pengurusan denggi di Malaysia. Peranan-peranan ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu: i) Penggubal polisi; ii) pengurusan menengah; dan iii) pelaksana di peringkat akar umbi. Setiap sesi temu bual meneroka secara terperinci tentang faktor-faktor ekologi, biologi dan sosial. Setiap sesi temu bual diadakan dalam tempoh 45 minit hingga satu jam. Responden yang telah ditemu bual adalah seramai sepuluh orang lelaki dan dua wanita. Soalan berbentuk terbuka telah diajukan kepada responden untuk mendapatkan reaksi mereka terhadap isu-isu berkaitan denggi. Temubual telah dirakamkan setelah mendapat kebenaran dari responden. Sebaik saja ketepuan data telah dicapai, maka temubual ditamatkan. Hasil rakaman suara telah ditranskrip dan analisa kualitatif dilaksanakan dengan menggunakan perisian Atlas ti. Software. **Hasil:** Sebanyak tiga tema utama telah diperolehi daripada analisa kualitatif dan telah dikenalpasti menyumbang secara signifikan terhadap pengurusan denggi secara berterusan. Tema-tema tersebut adalah: i) Pelaksanaan polisi yang memuaskan; ii) koordinasi antara agensi; dan iii) komitmen dari pemimpin politik dan ketua masyarakat. **Kesimpulan:** Data tempatan menunjukkan bahawa kawasan yang tidak memiliki komponen seperti yang diperolehi dari kajian ini menjadi kawasan panas berikutnya peningkatan kes-kes denggi. Oleh yang demikian, adalah penting bagi pihak masyarakat bersama-sama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain memberi penumpuan yang lebih ke atas domain yang didapati penting dalam memerangi wabak denggi ini.